

Saya bukan ahli politik kelas murahan - PM

Oleh ZAREEN HUMAIRAH

SEJAHAN

zareen.hs@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: “Soal tohmahan kita jangan mudah untuk menghukum. Saya bukan ahli politik kelas murahan begitu

rupa.”

Demikian tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengulangi pendirian bahawa beliau tidak pernah masuk campur dalam kes mahkamah.

Katanya, beliau bukan ahli politik yang menggunakan kuasa

untuk mendakwa pemimpin lain.

Justeru, katanya, pembangkang tidak wajar melontarkan dakwaan liar tanpa mengemukakan bukti menunjukkan beliau mencampuri urusan mahkamah.

Katanya Anwar, beliau sendiri

telah menyampaikan arahan kepada pihak berkaitan untuk mendakwa hanya jika mempunyai bukti yang kukuh.

“Ada orang kata mengenai Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi). Ya, kes dia masih di

mahkamah, saya tidak campur. Boleh tanya Ketua Hakim Negara, boleh tanya Peguam Negara, bila saya campur atau minta dikurang dan ditarik balik pertuduhan?”

Bersambung di muka 3

Saya bukan ahli politik kelas murahan - PM

Dari muka 1

“Kalau ada tindakan (bukti) jangan hukum saya, jangan guna ayat al Quran untuk hukum saya, katanya saya zalim dan campur tangan. Saya nak bagitahu pimpinan di sana, saudara kena ingat sebagai seorang muslim bertanggungjawab, adakah saudara yakin dan ada bukti bahawa Anwar campur tangan untuk mendakwa sesiapa,” katanya semasa sesi Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Beliau menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Pasir Mas, Fadhli Shaari yang membangkitkan isu penyiasatan kapal tempur pesisir LCS masih belum terjawab sehingga sekarang.

Dalam sesi tersebut Anwar

turut menyatakan siasatan terhadap kes kapal tempur pesisir LCS mesti diteruskan.

“Saya tegaskan di sini bahawa siasatan mesti diteruskan dan termasuk penyiasatan kapal tempur pesisir (LCS) kerana saya rasa tindakan yang sebelum ini tidak cukup untuk membongkar dan bertindak kepada orang-orang yang lebih utama dikatakan terlibat.

“Penyiasatan skandal LCS kita akan teruskan tapi bukan urusan saya, Yang Berhormat Pasir Mas untuk mendalami dan tanya lebih daripada itu. Nanti kalau saya buat begitu, ada lagi tuduhan pendakwaan terpilih,” katanya.

Dalam sesi yang sama, Anwar memberitahu, beliau turut memberitahu SPRM dan Peguam Negara agar jangan menganiaya (pendakwaan) de-

ngan menyertakan alasan longgar yang boleh dipertikaikan.

“Guna nama agama dan fitnah orang, sebut nama saya. Saya tidak campur. Boleh tanya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Peguam Negara malah arahan kepada mereka adalah apa sahaja tindakan berdasarkan fakta dan bukti kuat, saya sokong tetapi jangan menganiaya dan jangan ada satu pun alasan yang longgar, boleh dicabar dan dipertikai.

“Biar siasatan itu diteruskan dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan kita cakap soal keadilan, kita tolak kezaliman dan fitnah, jadi jangan hukum orang tanpa bukti,” ujarnya.

Sementara itu, Perdana Menteri memberitahu, pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) fasa 2 dijangka diagih-

kan awal bulan depan sebelum sambutan Aidilfitri.

Katanya, Kementerian Kewangan dan agensi berkaitan sudah dimaklumkan untuk menyegerakan perkara itu bagi memastikan rakyat khususnya kumpulan yang memerlukan menerima bantuan itu.

“Seperti yang disebutkan, STR fasa 1 sudah diedarkan dan sampai kepada rakyat yang berjumlah RM1.6 bilion, itu bulan Januari lalu.

“Saya sudah memberitahu Kementerian Kewangan dan agensi terlibat supaya meri-ngankan mereka (golongan memerlukan) dengan bantuan STR Fasa 2 yang harus diselesaikan pada pertengahan Ramadan atau awal April sebelum raya.

“Kita akan keluarkan Fasa ini untuk golongan B40 mendapat STR,” katanya.